

# HUBUNGAN (Part 7)

Omar Nor Bin Abu Bakar, Mohd Hafizullah Amin Mat Noor & Mohd Roshan Bin Sarkarsi

## HUBUNGAN INTIM DALAM PERSAHABATAN.

Persahabatan tidak mengira umur, bangsa, jantina, keturunan, pangkat dan agama. Perhubungan ini terbentuk mungkin dengan beberapa sebab. Antaranya kawan sepermainan sejak kecil, jiran, kawan sekolah, kawan seasrama dan sebilik. Hubungan jenis ini mungkin terjadi secara tidak sengaja atau perkenalan singkat di majlis atau kursus. Hubungan jenis ini amat diperlukan oleh manusia. Perhubungan intim akan terbentuk sekiranya ada persamaan dan kesesuaian antara satu sama lain. Dalam hubungan ini kemungkinan seseorang akan berkongsi setiap masalah lahapun kegembiraan yang dialami. Kepercayaan yang tinggi wujud sekiranya hubungan itu telah lama terjalin.

### Hubungan intim yang formal.

Biasanya berlaku dalam keadaan yang berprotokol dan rasmi. Hubungan ini berlaku di pejabat kerajaan atau swasta, majlis rasmi dan sebagainya. Hubungan di pejabat biasanya berlaku antara ketua dengan staf, staf sesama staf dan pekerja dengan klien.

Hubungan seorang ketua dengan staf agak terbatas dan rasmi. Perasaan hormat menghormati perlu ada dalam diri kedua-dua pihak agar kerja yang dilakukan berjalan dengan sempurna. Hubungan sesama pekerja pula tidaklah terlalu formal. Hubungan ini berlaku di dalam pejabat dibatasi dengan sedikit protokol terutama dengan urusan rasmi. Manakala hubungan diluar pejabat lebih mesra.